



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Isnin, Mac 06, 2017

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM terima tajaan pendidikan dari AEON Credit Service



Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto: Marina Ismail

KUALA LUMPUR, 24 Feb – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima tajaan pendidikan dari AEON Credit Service (M) Berhad bagi membantu pelajar Bachelor UPM yang cemerlang tetapi kurang kemampuan kewangan.

Hadir pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama penajaan pendidikan itu ialah Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Dr. Rohana Yusof dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dato' Dr. Adnan Hussein.

Pengerusi AEON Credit Services (M) Sdn. Bhd., Dato' Abdullah Yusof berkata pemilihan pelajar akan dibuat oleh pihak universiti bagi menentukan mereka yang layak menerima tajaan itu.

"Pihak kami memperuntukkan RM800,000 bagi program ini dan setiap 20 pelajar dari ketiga-tiga universiti berkenaan akan menerima penajaan sebanyak RM40,000.

"Penajaan pendidikan itu diberikan kepada pelajar dalam bidang perakaunan, ekonomi, pentadbiran perniagaan, kewangan dan perbankan, sains aktuari, perundangan dan teknologi maklumat atau sains komputer," katanya. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan| Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 03 Mar 2017

